


KE LONDON UNTUK MENENTUKAN TARIKH MERDEKA!



TENGGU ABDUL RAHMAN PUTRA BERSERTA ROMBONGANNYA

Sesudah gagal dalam rundingannya dengan Chin Peng, Tengku Abdul Rahman Putra ketua menteri kerajaan telah belayar ke London sebagai ketua rombongan Perikatan untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan British supaya menyampaikan cita-cita rakyat di Tanah Melayu untuk melaksanakan pemerintahan sendiri. Tatkala di Kuala Lumpur beliau telah dihantar oleh ramai ahli-ahli UMNO dan tatkala berangkat dari Singapura. Beliau telah juga diiringi oleh suatu perarakan yang penuh dengan pekik Merdeka! Tengku, melihat kepada sebutan yang begitu meriah dan harus kerana terasa tanggung-jawabnya besar telah mencururkan air mata kerana mengenang adakah ia akan berjaya di dalam rundingan yang tersebut. Di dalam gambar-gambar yang diterangkan di sini kelihatan perarakan-perarakan yang sangat meriah. Tatkala menghantar Tengku ke pelabuhan. Gambar di atas (kanan) Tengku sedang meleleh air matanya tatkala meninggalkan Singapura. Di bawahnya” Tengku sedang berjabat salam dengan konsul Indonesia di Singapura Doktor Herman Kortosastoro. Lain-lain gambar menunjukkan suasana sambutan memberi selamat jalan sejak dari Raffles Hotel membawa ke pelabuhan.

